

Tema 5 Jati Diri dan Kewarganegaraan

Tema 6 Sains, Teknologi dan Inovasi

Hal. Buku Teks: 49 – 72

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Sudut Bahasa P))

- Kata pangkal ayat digunakan pada bahagian hadapan ayat.
- Penanda kesinambungan atau perkaitan sesuatu perkara, fakta atau cerita yang biasa digunakan dalam ayat klasik. Contohnya, *arakian*, *alkisah*, *hatta*, dan sebagainya.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

◀ SP 2.2.3; 5.1.1; 5.1.2; 5.1.3; 5.6.1

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kanesh memetik _____ sambil menyanyikan lagu patriotik semasa mengadakan persembahan Malam Merdeka.

A piano	C gitar
B kompang	D seruling
2. Penerima Anugerah Merdeka itu telah membuat _____ tentang virus memerangi sel kanser.

A siasatan	C andaian
B kajian	D siasatan
3. Pemain ragbi itu berlari dengan pantas sambil membawa sebiji bola ragbi yang _____ bentuknya.

A leper	C lonjong
B bulat	D buncit
4. _____ bermula dengan Sultan Melaka memiliki empayar yang luas di Tanah Melayu.

A Alkisah	C Hatta
B Adapun	D Arakian
5. _____, Raja Muda pun melawat di sekitar pelabuhan.

A Arakian	C Syahadan
B Adapun	D Alkisah

Soalan 6 – 7

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

6. Ahli sains itu telah menjalankan

A	
selidikan	bagi menghasilkan rekaan itu
B	C
untuk mengesan nyamuk aedes.	
Tiada kesalahan	
D	
7. Para peserta sedang memeriksa robot rekaan mereka itu supaya robot yang

A	
dipamerkan kepada juri nanti dapat	
B	
berfungsi dengan baik. Tiada kesalahan	
C	D

Soalan 8 – 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

8. I Farid mengisi air sungai ke dalam bekas itu.

- II Haji Ramli ialah *bekas* penghulu Kampung Sri Rampai.
 - III Mereka terkejut apabila menjumpai *bekas* tapak kaki gajah semasa menjelajah hutan itu.
 - IV Anggota polis dapat mengenal pasti *bekas* jari penjenayah itu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

9. I Kita tidak boleh *baik* sangka terhadap orang lain.
II Syahrul murid yang *baik* di sekolah.
III Zarina ialah kawan *baik* Syakirah.
IV Kesihatan Encik Badrul semakin *baik* selepas mendapatkan rawatan daripada doktor pakar.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 10 – 11

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

10. Jika cuaca cerah, bangunan itu kelihatan begitu amat jelas sekali.
A begitu jelas sekali
B amat terjelas sekali
C begitu amat jelas
D begitu amat jelas sekali
11. Kami turut membincangkan lain-lain perkara tentang sains dan teknologi.
A membincangkan perkara lain
B membincangkan perkara-perkara lain
C membincangkan lain perkara
D membincangkan lain-lain perkara

Soalan 12

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

12. Azizah meminta pandangan Aisyah mengenai Projek Taman Hijau itu.
- A Aisyah memberikan pandangannya mengenai Projek Taman Hijau kepada Azizah.
B Aisyah diminta oleh Azizah untuk memberikan pandangannya tentang Projek Taman Hijau itu.
C Azizah dan Aisyah diminta oleh Azizah untuk memberikan pandangannya tentang Projek Taman Hijau itu.
D Azizah diminta oleh Aisyah untuk memberikan pandangannya tentang Projek Taman Hijau itu.

Soalan 13

Pilih ayat-ayat yang betul.

13. I "Buku itu kami punya," kata Tasya kepada Aina.
II Taman Sains kelihatan suram apabila ditanami pokok bunga.
III Saya lebih suka membayar bil melalui talian berbanding beratur di kaunter bayaran.
IV Kita perlu datang awal ke stadium esok pagi.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 14

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

14. Peribahasa yang berikut bermaksud seseorang haruslah berfikir sebelum melakukan sesuatu perkara, **kecuali**
- A ada udang di balik batu.
B ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.
C sediakan payung sebelum hujan.
D sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Soalan 15 – 18 berdasarkan petikan drama di bawah.

DATUK PENGHULU : Assalamualaikum. (Dari bawah)

FAUZIAH : Ayah, ada orang datang.

PAK MAIL : (Bangun menuju ke pintu) Waalaikumussalam.
Oh, Tuk Penghulu! Sila naik, Tuk.

ARAHAN : (DATUK PENGHULU dan ENCIK MUSA masuk ke dalam rumah.)

DATUK PENGHULU : Pak Mail, saya perkenalkan, ini Encik Musa, pegawai tentera dari Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur.

PAK MAIL : Apa khabar, Encik Musa? Sila duduk.

ENCIK MUSA : Khabar baik. Terima kasih.

ARAHAN : (Setelah mereka duduk, FAUZIAH masuk ke dalam.)

DATUK PENGHULU : Begini, Pak Mail. Encik Musa datang ke sini kerana ada tugas.

PAK MAIL : Oh, begitu! Apa halnya, Encik Musa?

ENCIK MUSA : Begini, Pak Mail. Saya datang ini untuk menyampaikan penghargaan negara kepada keluarga Pak Mail kerana kematian Sarjan Akhbar semasa bertempur di sempadan dahulu. Kami bersimpati benar dengan keluarga Pak Mail, terutamanya kepada Puan Fauziah dan dua orang anaknya.

PAK MAIL : Terima kasihlah, Encik Musa. Kami memanglah sedang menghadapi masalah sekarang ini, terutamanya dalam hal persekolahan Hayati. Hari ini dia pulang dari asrama.

Sudut Sastera

► Nilai murni ialah amalan baik dalam watak dan masyarakat yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam sesebuah karya.

Dipetik dan diubah suai daripada drama 'Hadiah',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

15. Apakah tujuan kedatangan Encik Musa ke rumah Pak Mail?

- A Memaklumkan kematian Sarjan Akhbar
- B Menyampaikan penghargaan
- C Membantu persekolahan
- D Bertanyakan khabar Puan Fauziah dan anak-anaknya

16. Yang berikut nilai yang tergambar dalam petikan drama di atas, **kecuali**

- A semangat patriotisme.
- B keprihatinan.
- C bertanggungjawab.
- D kasih sayang.

Pihak berkuasa menyampaikan penghargaan kepada Pak Mail sekeluarga sebagai menghargai pengorbanan Sarjan Akhbar.

17. Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah

- A orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa.
- B baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang.
- C berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
- D di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

18. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan drama di atas?

- A Hidup Pak Mail sekeluarga agak susah selepas kematian Akhbar.
- B Datuk Penghulu melawat Pak Mail sekeluarga.
- C Encik Musa memberikan sumbangan peribadi kepada Pak Mail.
- D Hayati terpaksa berhenti sekolah kerana masalah kewangan.